

07 AUG 2003

Mahathir-Satelit

RAZAKSAT, NAMA KEPADA SATELIT PENCERAPAN BUMI KEDUA M'SIA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan Satelit Pencerapan Bumi Kedua Malaysia, RazakSAT, sempena nama Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak.

Majlis penamaan satelit itu yang sebelum ini dikenali sebagai MacSAT, berlangsung di bangunan Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB) di Taman Teknologi Bukit Jalil di sini.

RazakSAT ialah sebuah satelit pencerapan bumi yang membawa kamera apertur sederhana.

RazakSAT dibangunkan bersama oleh ATSB dan Satreci Companies Ltd dari Korea Selatan. Satelit ini berupaya mengambil imej digital pada resolusi 2.5 meter pankromatik dan lima meter pelbagai spectral.

Program pembangunan sistem satelit ini bermula dengan rasminya pada tahun 2000 dengan seramai 16 jurutera ATSB dihantar ke Korea Selatan untuk bekerja bersama rakan teknologi mereka.

Bagaimanapun, beberapa bahagian subsistem satelit RazakSAT telah dibangunkan di Malaysia oleh jurutera ATSB termasuk subsistem penting bagi satelit tersebut.

Penghasilan subsistem satelit ini merupakan kali pertama sebuah satelit dibangunkan oleh jurutera Malaysia di dalam negara ini.

Sistem pembangunan Satelit ini merangkumi tiga model iaitu model kejuruteraan, kelayakan dan penerbangan.

RazakSAT dijangka akan dilancarkan ke orbit pada pertengahan Ogos 2004.

ATSB telah ditubuhkan untuk membangunkan sistem satelit angkasa bagi Malaysia dan ia telah berjaya merekabentuk, membangun, melancar dan mengoperasikan satelit mikro pertama negara iaitu TiungSAT-1, yang telah dilancarkan pada 26 Sept, 2000.

-- BERNAMA

RV MUN AHH MOZ